



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGUASAAN DAN KEFAHAMAN PELAJAR DALAM MATA PELAJARAN AL-SYARIAH TINGKATAN SATU DI SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN (SABK) DAERAH BACHOK



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NUR SYAMIHAH BINTI MOHD ZAWAWI

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2023**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGUASAAN DAN KEFAHAMAN PELAJAR DALAM MATA
PELAJARAN AL-SYARIAH TINGKATAN SATU DI SEKOLAH AGAMA
BANTUAN KERAJAAN (SABK) DAERAH BACHOK**

NUR SYAMIHAH BINTI MOHD ZAWAWI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PROJEK ILMIAHINI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN ISLAM) DENGAN KEPUJIAN**

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (✓)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

PERAKUAN KEASLIAN PENULISANPerakuan ini telah dibuat pada **27 JANUARI 2023****i. Perakuan Pelajar:**

Saya **NUR SYAMIHAH BINTI MOHD ZAWAWI (D20191088724) FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN** dengan ini mengaku bahawa laporan projek tahun akhir yang bertajuk **PENGUASAAN DAN KEFAHAMAN PELAJAR DALAM MATA PELAJARAN AL-SYARIAH TINGKATAN SATU DI SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN (SABK) DAERAH BACHOK** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta yang telah dilakukan secara wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta yang telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.



Tandatangan Pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya **Dr. Norhisham bin Muhamad** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **Penguasaan dan Kefahaman Pelajar dalam Mata Pelajaran Al-Syariah Tingkatan satu di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Daerah Bachok** dihasilkan seperti mana di atas, dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kemanusiaan bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperolehi **IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM) DENGAN KEPUJIAN**.

Tarikh

Tandatangan Pensyarah Penyelia





TUNTUTAN PIHAK KETIGA

Projek Ilmiah ini disediakan bagi memenuhi sebahagian daripada syarat keperluan bagi pengijazahan Sarjana Muda Pendidikan Islam oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris. Pihak Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, tidak bertanggungjawab atau sebarang tuntutan dari pihak ketiga yang berhubung kait dengan Projek Ilmiah ini.

TARIKH: 27 JANUARI 2023



DISCLAIMER

This Academic Project is prepared here in partial fulfilment of the requirements for the Degree of Bachelor in Education (Islamic Education) by Sultan Idris Education University. The Department of Islamic Studies, Faculty of Science Humanities, Sultan Idris Education University makes no responsible for any claim from the third party with regards to the production of this Academic Project.

DATE: 27 JANUARY 2023





PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Alhamdulillah, selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW serta seluruh ahli keluarga baginda. Setelah beberapa bulan berusaha akhirnya saya telah berjaya menyempurnakan projek tahun akhir ini bagi melengkapkan syarat pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) di universiti bertuah ini.

Dalam ruangan yang ringkas ini juga saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah yang bertanggungjawab menyelia projek tahun akhir saya iaitu Dr. Norhisham bin Muhamad. Sepanjang proses untuk menyiapkan kajian ini beliau telah banyak membimbing, memberikan nasihat serta teguran kearah kebaikan. Tidak dilupakan kepada Dr. Samsuddin bin Abd. Hamid yang merangkap penyelaras kursus Projek Tahun Akhir AT35 kerana telah mengajar saya dan rakan-rakan kaedah-kaedah membuat penyelidikan pada semester yang lepas.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada kedua ibu bapa saya Mohd Zawawi bin Mat Radin dan Siti Eshah binti Mat Yasin serta adik beradik yang telah memberikan sokongan moral kepada saya sepanjang menjalankan kajian ini. Terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sudi berkongsi idea dan ilmu penulisan yang sangat membantu saya dalam menyiapkan kajian ini. Tanpa bantuan dan nasihat daripada mereka, saya mungkin tidak dapat menyiapkan penulisan projek tahun akhir ini dengan baik. Semoga kejayaan yang terbaik dariNya milik kita semua. Aamiin Ya Rabbal Alamin.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap penguasaan dan kefahaman pelajar dalam mata pelajaran al-Syariah tingkatan satu di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Daerah Bachok. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti gaya pembelajaran yang digunakan dalam mata pelajaran al-Syariah. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah tinjauan. Sampel kajian terdiri daripada 65 orang responden yang telah dipilih secara rawak dan diproses menggunakan perisian komputer SPSS. Instrumen kajian terdiri daripada satu set soal selidik yang telah disahkan oleh tiga orang pakar bidang. Kebolehpercayaan instrumen soal selidik adalah sangat tinggi berdasarkan pekali Alpha Cronbach = 0.961. Data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif iaitu kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Statistik deskriptif digunakan untuk mengukur persepsi responden mengenai penguasaan, kefahaman dan gaya pembelajaran pelajar. Dapatkan kajian secara keseluruhan menunjukkan bahawa penguasaan pelajar terhadap isi kandungan mata pelajaran al-Syariah berada pada tahap interpretasi sederhana iaitu ($\text{min} = 3.47$, $\text{sp} = 0.39$). Manakala tahap kefahaman pelajar terhadap mata pelajaran al-Syariah juga berada pada tahap interpretasi sederhana iaitu ($\text{min} = 3.62$, $\text{sp} = 0.41$). Dalam masa yang sama, gaya pembelajaran pelajar dalam mata pelajaran al-Syariah menunjukkan gaya pembelajaran auditori yang mendapat min paling tinggi iaitu ($\text{min} = 3.64$, $\text{sp} = 0.45$). Kesimpulan daripada kajian ini menunjukkan bahawa penguasaan dan kefahaman pelajar dalam mata pelajaran al-Syariah tingkatan satu di SABK Daerah Bachok berada dalam tahap sederhana yang perlu diberikan penambahbaikan lagi supaya dapat menghasilkan impak yang positif dalam penguasaan dan kefahaman pelajar terhadap mata pelajaran al-Syariah. Diharapkan kajian ini dapat membantu pihak pentadbiran Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Daerah Bachok dalam meningkatkan penguasaan dan kefahaman pelajar dalam mata pelajaran al-Syariah.

Kata Kunci: Kurikulum Bersepadu Dini, Bahasa Arab, Pengajian Islam, Al-Syariah, Kurikulum Azhari, SABK





STUDENT'S MASTERY AND UNDERSTANDING IN THE SUBJECT OF AL-SYARIAH FORM ONE AT DARUL IMAN ARABIC RELIGIOUS SECONDARY SCHOOL

ABSTRACT

This research aims to identify the level of mastery and understanding of students in the subject of al-Syariah in the 1st level at Darul Iman (Arabic) Religious Secondary School. In addition, this research also aims to identify the learning style used in al-Syariah subjects. The design of this study used a survey method. The study sample consisted of 65 respondents who were randomly selected and processed using SPSS computer software. The research instrument consists a set of questionnaires that have been verified by three experts in the field. The reliability of the questionnaire instrument is very high based on Cronbach's Alpha coefficient = 0.961. Data were analyzed using descriptive statistics, namely frequency, percentage, mean and standard deviation. Descriptive statistics were used to measure respondents' perceptions of students' mastery, understanding and learning style. The findings of the research as a whole show that the students' mastery of the content of al-Syariah subjects is at a medium level of interpretation which is (mean = 3.47, sp = 0.39). While the level of students' understanding of al-Syariah subjects is also at a moderate level of interpretation which is (mean = 3.62, sp = 0.41). At the same time, the learning style of students in the subject of al-Syariah shows that the auditory learning style has the highest mean (mean = 3.64, sp = 0.45). The conclusion from this research shows that the mastery and understanding of students in al-Syariah subject level one at SABK Bachok District is at a moderate level that needs to be improved further in order to produce a positive impact in students' mastery and understanding of al-Syariah subjects. It is hoped that this study can help the administration of Darul Iman (Arabic) Religious Secondary School in improving students' mastery and understanding in al-Shariah subjects.

Keywords: Early Integrated Curriculum, Arabic, Islamic Studies, Al-Syariah, Azhari Curriculum, SABK





ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN.....	ii
TUNTUTAN PIHAK KETIGA.....	iii
PENGHARGAAN.....	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT.....	vi
JADUAL TRANSLITERASI.....	xii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH.....	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1 PENGENALAN.....	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah.....	6
1.4 Tujuan Kajian	9
1.5 Objektif Kajian	10
1.6 Persoalan Kajian	10





1.7	Kerangka Konseptual Kajian.....	11
1.8	Kepentingan Kajian	13
1.9	Batasan Kajian.....	15
1.10	Definisi Operasional Kajian.....	16
1.10.1	Penguasaan	16
1.10.2	Kefahaman	17
1.10.3	Mata Pelajaran Al-Syariah.....	18
1.10.4	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)	19
1.10.4.1	Sekolah Menengah Ugama (Arab) Darul Iman	19
1.11	Kesimpulan	21



BAB 2	SOROTAN LITERATUR.....	22
2.1	Pengenalan.....	22
2.2	Sejarah Pembelajaran Pengajian Islam dalam Bahasa Arab di Malaysia..	23
2.3	Definisi Dan Konsep Kurikulum Bersepadu Dini.....	25
2.3.1	Definisi Kurikulum Bersepadu Dini	25
2.4	Kurikulum Bersepadu Dini.....	27
2.4.1	Peruntukan Masa dan Sukatan Pelajaran	27
2.5	Pembelajaran Al-Syariah.....	29
2.5.1	Hifz Al-Quran	30
2.5.2	Fiqh Ibadah	31





2.6 Gaya Pembelajaran	33
2.6.1 Gaya Pembelajaran (Kinestetik)	34
2.6.2 Gaya Pembelajaran (Auditori)	36
2.6.3 Gaya Pembelajaran (Visual)	37
2.7 Kajian- kajian Lepas	38
2.8 Kesimpulan.....	43
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	44
3.1 Pengenalan.....	44
3.2 Reka Bentuk Kajian.....	45
3.3 Populasi, Persampelan Dan Responden Kajian.....	46
3.4 Lokasi Kajian.....	49
3.5 Instrumen Kajian	49
3.6 Kajian Rintis	52
3.7 Kebolehpercayaan Dan Kesahan Instrumen.....	53
3.8 Prosedur Perolehan Data	56
3.9 Kaedah Menganalisis Data	57
3.9.1 Analisis Deskriptif	58
3.10 Kesimpulan	59
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	61
4.1 Pengenalan.....	61





4.2 Profil Sampel	62
4.2.1 Latar Belakang Demografi.....	62
4.2.2 Keputusan UPKK.....	63
4.2.3 Minat Subjek Al-Syariah	64
4.3 Analisis Data Kuantitatif	65
4.4 Dapatan Kajian	65
4.4.1 Tahap Penguasaan Pelajar Terhadap Isi Kandungan Mata Pelajaran	65
Al-Syariah	65
4.4.2 Tahap Kefahaman Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Al-Syariah	75
4.4.3 Gaya Pembelajaran Pelajar Dalam Mata Pelajaran Al-Syariah	84
4.4.3.1 Kinestetik	84
4.4.3.2 Auditori	87
4.4.3.3. Visual	90
4.6 Kesimpulan.....	93
BAB 5 RUMUSAN PERBINCANGAN DAN CADANGAN	94
5.1 Pendahuluan.....	94
5.2 Ringkasan Kajian.....	95
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	96
5.4 Analisis Deskriptif.....	97
5.4.1 Tahap Penguasaan Pelajar Terhadap Isi Kandungan Mata Pelajaran	97





Al-Syariah	97
5.4.2 Tahap Kefahaman Pelajar Dalam Mata Pelajaran Al-Syariah.....	101
5.4.3 Gaya Pembelajaran Pelajar Dalam Mata Pelajaran Al-Syariah.....	103
5.4.3.1 Kinestetik	104
5.4.3.2 Auditori	105
5.4.3.3 Visual	106
5.5 Rumusan Kajian	107
5.6 Implikasi Kajian	109
5.6.1 Implikasi Praktikal	109
5.6.2 Implikasi Kajian Kepada Pengkaji Akan Datang	110
5.7 Cadangan	111
5.7.1 Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).....	111
5.7.2 Guru	113
5.8 Cadangan Kajian Susulan.....	114
5.9 Kesimpulan.....	116
BIBLIOGRAFI	117
LAMPIRAN	122





JADUAL TRANSLITERASI

HURUF JAWI	HURUF RUMI
ب	B
ت	T
ث	Th
ج	J
ح	h/H
خ	Kh
د	D
ذ	Dh
ر	R
ز	Z
س	S
ش	Sy
ص	So
ض	Dho
ط	Tho'

HURUF JAWI	HURUF RUMI
ع	'
غ	Gh
ف	F
ق	Q
ك	K
ل	L
م	M
ى	N
و	W
ه	H
ء	'
ي	Y
ة	Ta
ظ	Zho
ا	A

DIFTONG

DIFTONG	TRANSLITERASI
ي	I
و	U
وا	Aw
يا	Ay





SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Jadual Penentuan Saiz Sampel	48
3.2	Jadual Maklumat Item Soalan Soal Selidik	52
3.3	Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan	56
3.4	Jadual Nilai Alpha Cronbach	56
3.5	Jadual Interpretasi Skor Min Skala Likert 5 Mata	59
4.1	Jadual Profile Sampel Mengikut Jantina	62
4.2	Jadual Profil Sampel Mengikut Keputusan UPKK	63
4.3	Jadual Profil Sampel Mengikut Minat Subjek Al-Syariah	64
4.4	Jadual Tahap Penguasaan Pelajar Terhadap Isi Kandungan Mata Pelajaran Al-Syariah	66
4.5	Jadual Tahap Kefahaman Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Al-Syariah	76
4.6	Gaya Pembelajaran (Kinestetik) Pelajar dalam Mata Pelajaran Al-Syariah	85
4.7	Gaya Pembelajaran (Auditori) Pelajar dalam Mata Pelajaran Al-Syariah	87
4.8	Gaya Pembelajaran (Visual) Pelajar dalam Mata Pelajaran Al-Syariah	90





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiV

SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1	Kerangka Konseptual Kajian	12
-----	----------------------------	----



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

KBD	Kurikulum Bersepadu Dini
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PDP	Pengajaran dan Pembelajaran
SMU (A)	Sekolah Menengah Ugama (Arab)
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
SWT	Subhanahu wa Taala
SAW	Sallallahu ‘alaihi wasallam
PDP	Pengajaran dan Pembelajaran
KD	Kurikulum Dini
STS	Sangat Tidak Setuju
TS	Tidak Setuju
TP	Tidak Pasti
S	Setuju
SS	Sangat Setuju
SAN	Sekolah Agama Negeri
SAR	Sekolah Agama Rakyat
T	Tinggi
S	Sederhana
R	Rendah
UPKK	Ujian Penilaian Kelas Kafa
SPSS	Statistical Package For The Sciences





SENARAI LAMPIRAN

- | | |
|------------|---|
| LAMPIRAN A | Borang Kelulusan Menjalankan Kajian |
| LAMPIRAN B | Borang Memohon Kebenaran Menjalankan Kajian |
| LAMPIRAN C | Borang Soalan Soal Selidik |
| LAMPIRAN D | Contoh Analisa Data Menggunakan “IBM SPSS” |





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pengenalan

Bab ini merupakan bab pengenalan yang menerangkan secara keseluruhan tentang kajian yang ingin dilaksanakan. Pada bab ini, terdapat beberapa subtopik yang dijelaskan antaranya ialah latar belakang kajian yang membincangkan tentang kajian yang akan dijalankan. Dalam bab ini juga terdapat elemen terpenting dalam sesuatu kajian yang ingin dijalankan iaitu permasalahan kajian yang menjelaskan mengapa kajian ini perlu dilaksanakan. Disamping itu, pada bahagian ini terdapat juga tujuan kajian, pengkaji telah meletakkan objektif kajian dan persoalan kajian yang berkenaan dengan tajuk kajian ini.





Seterusnya, dalam bab ini juga terdapat kepentingan kajian yang perlu dititikberatkan oleh pengkaji dalam kajian yang dijalankan. Bab ini juga menjelaskan tentang kerangka konseptual dan beberapa definisi operasional kajian secara terperinci mengenai kajian ini dan juga batasan kajian yang dijalankan. Pengkaji telah mengakhiri bab ini dengan memasukkan kesimpulan secara keseluruhan. Tajuk kajian yang dipilih oleh pengkaji adalah berkenaan dengan “Penguasaan dan Kefahaman Pelajar dalam Mata Pelajaran Al-Syariah Tingkatan Satu di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Daerah Bachok. Pengkaji mendapati bahawa kajian seperti ini sangat relevan untuk dijalankan oleh kerana banyak kajian yang menyatakan bahawa pelajar di Malaysia kurang mahir dan kurang berkesan mempelajari subjek dini menggunakan bahasa Arab. Jadi, kajian pada kali ini, pengkaji memfokuskan pelajar tingkatan satu di SABK Daerah Bachok sebagai pembolehubah kepada kajian yang akan dilaksanakan.



1.2 Latar Belakang Kajian

Malaysia merupakan sebuah negara yang menjadikan agama Islam sebagai agama Persekutuan, jadi bidang pengajian Islam seperti al-Syariah merupakan salah satu bidang pengajian yang sangat penting untuk menyempurnakan tuntutan kehidupan harian sebagai seorang Muslim (Jabatan Pengajian Tinggi, 2010). Disamping itu, bahasa merupakan satu skop pembelajaran yang sangat luas. Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) merupakan satu





langkah untuk memperkasakan bahasa Arab di semua Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di seluruh Malaysia.

Bahasa Arab merupakan bahasa pengantar dalam pengajaran Kurikulum Bersepadu Dini, hal ini secara tidak langsung dapat memantapkan lagi pemerkasaan bahasa Arab dalam meningkatkan kualiti komunikasi berbahasa dalam kalangan pelajar di Malaysia serta kefahaman pelajar dalam menguasai mata pelajaran al-Syariah. Sementara itu, pihak Kementerian mengangkatkan kurikulum ini sebagai kurikulum kebangsaan serta menerapkan unsur agama dalam kurikulum kebangsaan (Bab 7- m.s. 12) (Kementerian Pendidikan Malaysia 2013).

Dalam pada itu, Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) mula dilaksanakan sebagai kurikulum kebangsaan pada tahun 2015 di SABK seluruh Malaysia. KBD merupakan kurikulum pendidikan Islam baharu yang direka bentuk oleh KPM dan JAKIM berasaskan konsep agama-Arab yang sebelum ini dikenali sebagai Kurikulum Azhari (Kamarulzaman Abdul Ghani, 2020). Menurut Kamarulzaman Abdul Ghani (2020), aspirasi utama pelaksanaan kurikulum bersepadu dini antara lainnya adalah untuk meningkatkan kualiti komunikasi dalam berbahasa Arab dengan menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar. Oleh itu, KBD digubal bermatlamat untuk menjadikan pelajar yang seimbang dan cemerlang berasaskan naqli dan ‘aqli bagi menyediakan bakal ulama’ dan agamawan muthaqqaf. Dalam masa yang sama, ia juga dianggap sebagai satu usaha untuk memartabat dan memperkasakan lagi proses pengajaran dan pembelajaran Pengajian Islam, menggilap potensi dan keupayaan pelajar serta





menyelaraskan sistem pengurusan KBD antara KPM dengan kurikulum kebangsaan (Bahagian Pendidikan Islam KPM, 2015).

Namun, fokus utama dalam melaksanakan kurikulum dini adalah untuk memperkasakan bahasa Arab dalam kalangan pelajar di Malaysia. Perkara ini telah disebut dalam dokumen pelaksanaan kurikulum bersepadu dini (Pelaksanaan tahun 2015) yang telah dikeluarkan oleh Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia. Dalam dokumen tersebut ada juga yang menyatakan tentang KBD ini dapat ditawarkan kepada warganegara yang memerlukan pendidikan agama dengan lebih khusus kepada anak-anak mereka. Dalam pada itu, dapat mengukuhkan lagi pendidikan aliran agama serta memberi peluang yang lebih kepada pelajar dalam menentukan kerjaya dan laluan masa depan mereka. Sepertimana hadith riwayat al-



ما نخل والد ولد من نخل أفضل من أدب حسن

Terjemahannya: “Tiada suatu pemberian yang lebih utama dari orang tua kepada anaknya selain pendidikan yang baik”

(HR Al-Hakim: 7679)

Tidak dinafikan juga bahawa falsafah pendidikan digubal adalah bertujuan untuk melahirkan insan pelajar yang memberi sumbangan kepada kemakmuran negara. Usaha ini adalah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhhlak mulia, berketerampilan, bertanggungjawab dan seumpamanya. Pendidikan merupakan satu proses untuk mengembangkan jasmani, emosi, rohani dan intelek





pelajar untuk menghasilkan pelajar yang berkebolehan dan berpengetahuan supaya dapat memberi kemajuan dalam kehidupan mereka (Annick, 1999). Falsafah Pendidikan Islam juga turut diterapkan dalam falsafah kebangsaan supaya dapat membentuk pelajar secara seimbang ke arah pembentukan insan yang soleh yang akan membawa kepada kebaikan. Selari dengan kurikulum dini yang bukan hanya memberi perhatian terhadap memperkasakan bahasa Arab tetapi ia juga untuk membentuk jati diri pelajar ke arah yang lebih baik dengan ilmu agama yang mereka ada.

Disamping itu, seperti yang sedia maklum dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), KBD berperanan untuk mempertingkatkan keupayaan pelajar berdasarkan aspirasi pelajar iaitu dengan memastikan pelajar dapat menguasai pengetahuan, kemahiran memimpin, kemahiran berfikir, etika dan kerohanian. Dengan itu, aspek kurikulum ini dapat mengembangkan lagi potensi dan keupayaan pelajar dalam bahasa Arab dan ilmu agama. Kurikulum bersepada dini akan menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar serta boleh menjadikan satu kelebihan tokok nilai tambah kepada pelajar dalam menguasai bahasa selain daripada bahasa kebangsaan iaitu Bahasa Malaysia (Bahagian Pendidikan Islam KPM, 2015).





1.3 Pernyataan Masalah

Pemerkasaan bahasa Arab dalam pembelajaran harian pelajar yang menggunakan kurikulum dini merupakan perkara yang penting dalam memahami sesuatu isi kandungan yang diajar oleh guru. Menurut Kamarulzaman Abdul Ghani et al. (2017), mengatakan bahawa terdapat banyak kajian-kajian lepas yang membincangkan tentang kurikulum Pendidikan Islam, salah satu daripadanya adalah berkaitan dengan penguasaan bahasa Arab di dalam kalangan pelajar. Penggunaan bahasa Arab dalam pembelajaran di sekolah merupakan satu cabaran bagi pelajar. Justeru itu, penggunaan bahasa Arab dalam pengajaran kurikulum Bersepadu Dini (KBD) di sekolah yang menggunakan kurikulum tersebut merupakan cabaran yang sangat berat bagi pelajar terutama pelajar sekolah menengah rendah. Penguasaan bahasa Arab yang lemah akan menyumbang kepada ketidakfahaman pelajar dalam pembelajaran (Kamarulzaman Abdul Ghani, Zawawi Ismail & Azmil Hashim, 2018).

Antara permasalahan yang didapati adalah pelajar kurang memahami isi kandungan yang diajar oleh guru mata pelajaran dini semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (pdp). Kajian daripada Anuar Sopian et al. (2013) mendapati bahawa pelajar-pelajar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) menunjukkan pencapaian proses pengajaran dan pembelajaran yang kurang berkesan serta menyukarkan pelajar untuk memahami isi kandungan yang dipelajari yang menjadikan pelajar berpandangan negatif terhadap penggunaan bahasa Arab dalam mata pelajaran tersebut. Dalam masa yang sama, ia juga menyebabkan pelajar kurang berminat dan kurang menguasai dalam



mempelajari mata pelajaran pengajian Islam yang menggunakan pengantar bahasa Arab serta kurang keinginan untuk mendalami ilmu tersebut. Maka perihalnya, pelajar akan sukar dalam memahami dan menguasai mata pelajaran Pendidikan Islam yang diajar dalam bahasa Arab seperti al-Syariah, usuluddin dan sebagainya.

Sehubungan itu, Menurut Mohd Mansor & Kamaruddin (2004), menyatakan bahawa kesan pembelajaran yang kurang berkesan yang dilaksanakan melalui bukan bahasa ibunda yang menyebabkan pelajar sukar memahami isi kandungan yang diajar. Apabila perkara ini berlarutan, pencapaian pelajar akan terus terjejas dan objektif yang dirancang juga tidak mampu dilaksanakan dengan baik. Pada pendapat pengkaji juga, perkara ini sangat betul hal ini kerana terdapat banyak kajian-kajian lepas yang mengatakan bahawa pembelajaran menggunakan bahasa selain bahasa Melayu akan menjelaskan penguasaan pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran.

Menurut Norfaezah Mohd Hamidin, Mohd Zaki Ahmad & Wazzainab Ismail (2018), kajian yang dilakukan secara pemerhatian mendapati bahawa guru kurang mempraktikkan ciri-ciri metodologi dalam dimensi pengajaran aktif serta pengajaran masih berpusatkan kepada guru. Hal ini yang menyebabkan kosa kata bahasa pelajar tidak bertambah serta pelajar tidak dapat mengaplikasikan kandungan yang dipelajari kerana kurang memahami isi kandungan yang dipelajari. Tambahan pengkaji lagi, kelemahan pelajar dalam mempelajari mata pelajaran yang menggunakan bahasa Arab adalah berpunca daripada pelajar hilang tumpuan semasa guru mengajar dan mudah mengantuk jika guru tidak melakukan sebarang aktiviti dalam kelas yang menarik. Hal



ini menunjukkan bahawa guru perlu melakukan sesuatu perkara bagi mempertingkatkan lagi pembelajaran pelajar dalam pembelajaran menggunakan bahasa Arab.

Justeru itu, menggunakan bahasa Arab dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan satu cabaran yang agak tinggi oleh masyarakat Malaysia kerana di Malaysia bahasa ibunda adalah bahasa Melayu. Menurut Nursafra Zhaffar et. al (2020), terdapat beberapa kekangan yang dihadapi oleh guru mata pelajaran kurikulum bersepada dini dan kurikulum bersepada tafsir iaitu dari segi kelemahan penguasaan bahasa Arab, kurang pendedahan pedagogi, kurang penguasaan isi kandungan kurikulum dan kesediaan pelajar. Oleh itu, jika guru sendiri yang mengalami kekangan terhadap penguasaan bahasa Arab, penguasaan isi kandungan pelajaran dan sebagainya bagaimana pula dengan pelajar yang akan dapat memperolehi ilmu tersebut daripada guru. Hal ini akan memberi kesan pengetahuan pelajar dalam subjek yang dipelajari.

Seterusnya, berdasarkan pengalaman dan pengetahuan bahawa guru-guru dibawah sekolah kerajaan biasanya guru tersebut daripada pelajar lepasan ijazah, diploma yang bukan dalam bidang pendidikan. Menurut Nursafra Zhaffar et. al (2010), guru yang mengajar subjek kurikulum bersepada ini merupakan guru bukan dalam bidang tersebut, jadi mereka kurang menguasai isi kandungan pelajaran tersebut serta mengalami kesuntukan masa untuk mendalaminya kerana penggunaan bahasa Arab dalam buku teks. Oleh itu, keadaan ini yang telah menjadikan kandungan tersebut sukar diterangkan kepada pelajar secara terperinci. Ini akan memberi kesan kepada





penguasaan dan kefahaman pelajar dalam mata pelajaran yang menggunakan bahasa Arab seperti mata pelajaran al-syariah.

Berdasarkan perbincangan di atas, kajian-kajian lepas menunjukkan isu-isu yang berlaku dalam kalangan pelajar adalah berkaitan dengan kurangnya tahap kefahaman dan penguasaan pelajar dalam pembelajaran menggunakan bahasa Arab. Oleh sebab itu, pengkaji merasakan bahawa tahap kefahaman pelajar dalam pembelajaran menggunakan bahasa Arab ini merupakan isu yang perlu dititikberatkan supaya mereka dapat memahami isi kandungan dengan lebih baik serta pelajar dapat membentuk sahsiah diri mereka. Penguasaan bahasa Arab merupakan faktor utama dalam memahami mata pelajaran yang berlandaskan kurikulum bersepadu dini (KBD). Oleh hal yang sedemikian, dalam kajian ini, penyelidik akan mengenalpasti keberkesanan pembelajaran al-Syariah menggunakan bahasa Arab terhadap pelajar tingkatan satu.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengetahui penguasaan pelajar terhadap isi kandungan mata pelajaran al-Syariah bagi pelajar tingkatan satu. Disamping itu, kajian ini juga memberi tumpuan kepada kefahaman pelajar dalam mata pelajaran al-





Syariah. Seterusnya pengkaji akan menganalisis gaya pembelajaran pelajar dalam mata pelajaran al-Syariah tersebut berdasarkan kekerapan yang diperolehi.

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan bagi memenuhi dan mencapai beberapa objektif seperti berikut:

1. Mengetahui tahap penguasaan pelajar terhadap isi kandungan mata pelajaran al-Syariah.
2. Mengetahui tahap kefahaman pelajar dalam mata pelajaran al-Syariah.
3. Mengenalpasti gaya pembelajaran pelajar dalam mata pelajaran al-Syariah.



1.6 Persoalan Kajian


Dalam kajian ini, beberapa persoalan kajian telah dinyatakan untuk mencapai objektif yang bertepatan dengan tajuk kajian ini. Beberapa persoalan kajian telah dikenal pasti iaitu:



1. Apakah tahap penguasaan pelajar terhadap isi kandungan mata pelajaran al-Syariah?
2. Apakah tahap kefahaman pelajar dalam mata pelajaran al-Syariah
3. Apakah gaya pembelajaran pelajar dalam mata pelajaran al-Syariah?

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual ini akan menerangkan tentang tahap penguasaan dan kefahaman pelajar dalam mata pelajaran al-Syariah melalui gaya pembelajaran yang digunakan oleh pelajar dalam mata pelajaran al-Syariah. Kerangka yang dilaksanakan oleh pengkaji akan memberi penekanan kepada pelaksanaan kelas al-Syariah bagi pelajar tingkatan satu di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Daerah Bachok. Rajah 1.1 menunjukkan perkara yang akan diukur iaitu penguasaan pelajar terhadap isi kandungan mata pelajaran al-Syariah, kefahaman pelajar dalam mata pelajaran al-Syariah dan gaya pembelajaran pelajar dalam mata pelajaran al-Syariah.



Rajah 1.1

Kerangka Koseptual Kajian

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengetahui tahap penguasaan dan kefahaman al-Syariah dalam kalangan pelajar tingkatan satu di SABK Daerah Bachok. Disamping itu, kajian ini penting untuk dilaksanakan agar ia dapat memberikan sedikit sumbangan dan rujukan kepada pelbagai pihak bukan sahaja kepada pengkaji malah kepada pihak sekolah itu sendiri dalam merealisasikan pelajar yang berkemahiran dalam menguasai subjek al-Syariah. Justeru itu, melalui kajian ini juga pengkaji mengharapkan agar pelajar yang mengikuti mata pelajaran al-Syariah dapat meningkatkan usaha dan mutu pembelajaran mereka agar pelajar mampu menguasainya dengan lebih baik kerana dalam mata pelajaran tersebut ia berkait dengan hifz al-quran dan fiqh ibadah. Di mana fiqh ibadah merupakan sesuatu perkara

yang perlu di amalkan oleh seseorang muslim dalam kehidupan seharian. Sebagai contohnya, solat, wuduk dan seumpamanya. Oleh hal demikian, apabila mempelajarinya dalam bahasa Arab bimbang terhadap kefahaman pelajar dalam menguasai setiap topik pelajaran yang mana ia akan mendatangkan kebimbangan kepada semua pihak.

Disamping itu, kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak pentadbir SABK di Daerah Bachok dan Kementerian Pendidikan Malaysia agar mereka dapat mengetahui dengan lebih jelas sejauhmana tahap penguasaan dan kefahaman pelajar tingkatan satu dalam mempelajari mata pelajaran al-Syariah di sekolah tersebut. Sekaligus ia akan membantu pihak yang terlibat dalam merangka tindakan susulan yang



sesuai bagi memastikan pembelajaran pelajar dapat memberi kesan yang optimum kepada mereka.

Selain itu, kajian ini juga penting kepada guru kerana sedikit sebanyak dapat memberikan pendedahan dan kesedaran kepada guru-guru yang mengajar subjek al-Syariah di SABK Daerah Bachok tentang penguasaan dan kefahaman dalam kalangan pelajar tingkatan satu di sekolah tersebut. Jadi, kajian ini penting untuk dijalankan kerana dapat membantu dan memberikan kesedaran kepada guru akan kelemahan pelajar dalam menguasai isi kandungan mata pelajaran al-Syariah. Sementara itu, guru dapat mencari inisiatif dan kaedah yang terbaik untuk mengaplikasikan dan memperbaiki teknik pengajaran kepada pelajar di sekolah tersebut.



yang dilaksanakan ini mampu menjadi titik permulaan kepada guru dan pelajar untuk mempertingkatkan lagi kaedah pengajaran dan pembelajaran ke arah yang lebih efektif. Hal ini kerana, penguasaan bahasa Arab dapat membantu pelajar menguasai dan memahami kandungan mata pelajaran al-Syariah dengan lebih baik. Strategi pembelajaran yang betul juga dapat memberikan kesan yang positif kepada pelajar. Sementara itu, hasil daripada dapatan kajian ini turut dapat diharapkan menjadi pengetahuan dan pembuka jalan kepada penyelesaian dalam mengendalikan pelajar yang tidak menguasai isi kandungan mata pelajaran al-Syariah.





1.9 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada beberapa batasan yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Antaranya ialah dari fokus kajian, responden kajian dan lokasi kajian. Menurut Ahmad Sunawari Long (2014) mengatakan bahawa batasan kajian merupakan batasan yang ditetapkan atau ditentukan oleh pengkaji dalam kajiannya. Oleh itu, kajian ini perlu dibataskan supaya ia lebih tertumpu pada fokus utama kajian. Beberapa batasan kajian telah dikemukakan seperti berikut:

- i. Kajian ini berfokus kepada pelajar tingkatan satu yang menggunakan kurikulum bersepadu dini dibawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia di SABK Daerah Bachok.
- ii. Kajian ini dijalankan pada tahun 2023.
- iii. Kajian ini melibatkan 65 orang pelajar daripada jumlah keseluruhan pelajar tingkatan satu yang belajar di sana.
- iv. Beberapa bahagian soalan soal selidik telah digubal bagi menjawab objektif kajian. Antara soalan yang terkandung dalam set soalan soal selidik adalah tentang penguasaan dan kefahaman isi kandungan al-Syariah serta gaya pembelajaran pelajar dalam mata pelajaran al-Syariah.





1.10 Definisi Operasional Kajian

Berdasarkan tajuk kajian yang akan dikaji, pengkaji telah menggunakan beberapa istilah yang perlu diketahui dan difahami oleh semua golongan masyarakat. Penggunaan istilah ini sangat penting kerana ia akan membantu dan memudahkan masyarakat dalam memahami setiap konsep yang telah digunakan. Malah, bukan itu sahaja, pembaca juga akan dapat memahami dengan lebih jelas apakah istilah yang telah digunakan dalam kajian ini. Hal ini disebabkan supaya tidak berlaku perselisihan faham dari segi pemahaman konsep kepada pembaca. Oleh itu, berikut merupakan beberapa istilah yang berkaitan dengan kajian ini:



1.10.1 Penguasaan

Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2005), penguasaan membawa maksud perihal menguasai atau menguasakan, seperti dalam contoh berikut; (*penguasaan bahasa sendiri sangat penting bagi seseorang penterjemah*). Apabila dirujuk kepada kata akar bagi kalimah ini iaitu kuasa, ia memberi maksud daya atau kemampuan (untuk mengerjakan atau melakukan sesuatu). Maka, perkataan penguasaan yang digunakan disini adalah untuk menunjukkan perihal kemampuan dalam menguasai isi kandungan mata pelajaran al-Syariah.





Selain itu, menurut Awang Sariyan (1985) beliau menegaskan bahawa maksud penguasaan adalah penguasaan secara sistematik. Oleh hal demikian, apa yang dimaksudkan oleh pengkaji dalam kajian ini ialah penguasaan terhadap isi kandungan al-Syariah agar mampu meningkatkan kualiti sebagai seorang pelajar yang mempelajari bidang al-Syariah.

1.10.2 Kefahaman

Menurut Kamus Dewan (1994), kefahaman merujuk kepada perihal yang memahami apa yang difahami tentang sesuatu atau sejauh mana sesuatu perkara itu difahami atau tanggapan. Manakala, menurut Kamus Dewan (2005) mentakrifkan bahawa pemahaman adalah proses, cara dan perbuatan untuk memahami dan memahamkan. Jadi dapat disimpulkan bahawa kefahaman adalah kemampuan seseorang dalam menafsirkan maklumat mengikut pengetahuannya atau berdasarkan pengalaman yang mereka ada. Justeru itu, dalam kajian ini, pengkaji ingin mengetahui tahap kefahaman pelajar dalam mempelajari mata pelajaran al-Syariah.





1.10.3 Mata Pelajaran Al-Syariah

Mata pelajaran al-Syariah dalam Kurikulum Bersepadu Dini menekankan aspek yang pelbagai dalam kehidupan seseorang muslim. Hal ini bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Islam di Malaysia yang mana ia bertujuan untuk membentuk manusia dengan nilai dan akhlak berteraskan agama Islam yang jitu dan kukuh. Mata pelajaran al-Syariah merupakan salah satu mata pelajaran yang terkandung dalam Kurikulum Dini yang dibangunkan bertujuan untuk membangunkan manusia ke arah akhlak mulia dan menghindari manusia dari perbuatan yang keji. Contohnya keperluan pembelajaran ilmu tentang ibadah solat yang diajarkan di dalam mata pelajaran ini. Allah SWT berfirman dalam surah al-Ankabut ayat 45:



... إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفُحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ ... (٤٥)

(Surah al-Ankabut (29) :45)

Terjemahannya: “Sesungguhnya solat itu dapat mencegah diri daripada perbuatan keji dan munkar.”

Disamping itu, mata pelajaran al-syariah tingkatan satu ini terkandung 2 kategori sahaja di dalamnya iaitu bidang al-Quran wa Hifz dan bidang Fiqh Ibadah. Menurut Toriq al-Syatibi bidang al-Quran wa Hifz adalah daripada riwayat Hafs ‘an ‘Asim. Manakala rujukan bagi bidang fiqh pula adalah berdasarkan sumber rujukan yang sahih dan mu’tabar (Nurul Osman Samurah & Siti Nabilah Che Soh, 2022). Segala fakta yang dikemukakan adalah berdasarkan kepada kefahaman Islam yang betul





sebagaimana yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Namun, bagi mewujudkan kefahaman dan amalan pelajar, segala bahan sokongan dan proses pembelajaran dan pengajaran yang dibina dan dilaksanakan berdasarkan fahaman ahli sunnah wa jamaah dan pendapat-pendapat yang mu'tabar daripada mazhab syafie serta keputusan yang diterima pakai daripada pihak berkuasa dalam urusan agama di Malaysia (DSKP KBD-Dini, 2016).

1.10.4 Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)

1.10.4.1 Sekolah Menengah Ugama (Arab) Darul Iman



SMU (A) Darul Iman telah didirikan secara rasmi pada tahun 1978 di Kampung Beris Lalang. Hasil cetusan idea Ustaz Abdul Wahab Bin Abdul Latif menjadi titik permulaan bagi perkembangan Sekolah Menengah Ugama (Arab) di sini. Idea kearah penubuhan Madrasah ini lahir setelah beliau melihat betapa anak-anak di kampung perlu di berikan pendedahan dan pengajaran berhubung pendidikan agama yang secukupnya di samping pendidikan akademik yang mereka pelajari di sekolah kebangsaan biasa. SMU (A) Darul Iman dari konteks bahasa ‘Darul’ bermakna Gedung, Negeri atau Kampung. Manakala ‘Al-Iman’ pula bermaksud keimanan selari dengan impian pengasas untuk melahirkan pelajar-pelajar yang berilmu dan beriman. Sebelum ini, nama sekolah telah dicipta oleh pengasas sendiri iaitu Madrasah Darul Iman.



Selain itu, Sekolah Menengah Ugama (Arab) merupakan sebuah sekolah dibawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia. SMU (A) Darul Iman merupakan sebuah sekolah yang terletak di daerah Bachok dan merupakan salah satu sekolah yang menggunakan kurikulum Dini. Dalam pada yang sama, ia juga sebagai satu usaha kerajaan untuk membantu dan memperkasakan lagi sekolah-sekolah agama di Malaysia. Oleh sebab itu, sekolah-sekolah dibawah SABK diwujudkan dengan tujuan untuk mempertingkatkan lagi kualiti pengurusan pentadbiran, pengajaran dan pembelajaran, pengurusan sumber manusia serta prasarana dan kemudahan. Sekolah-sekolah SABK telah ditadbir dibawah KPM dan telah menerima pelbagai kemudahan. Namun, pemilikan tanah dan bangunan serta kurikulum agama negeri masih dikekalkan (JAPIM, 2007).



05-4506832



Secara asasnya pada peringkat permulaan, kurikulum yang digunakan di SMU



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

(A) Darul Iman terbahagi kepada dua bentuk, iaitu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan Kurikulum Bu'uth al-Azhar. Pelaksanaan KBSM di SMU (A) Darul Iman adalah selaras dengan status sekolah tersebut yang berada di bawah pentadbiran KPM manakala pelaksanaan Kurikulum Al-Azhar pula adalah mengambil kira kurikulum asal yang diguna pakai sebelum pertukaran status kepada SABK. Kini, kurikulum Bu'uth al-Azhar telah bertukar kepada kurikulum Bersepadu Dini (KBD) yang digunakan sehingga kini (Awatif Abdul Rahman, et.al 2019).



1.11 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, perbincangan dalam bab ini bertujuan untuk memberi gambaran awal mengenai kajian ini. Ringkasnya, bab ini juga membincangkan mengenai latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop kajian, kerangka konseptual dan definisi operasional. Kajian ini memfokuskan pada penguasaan dan kefahaman pelajar dalam mata pelajaran al-Syariah tingkatan satu di SABK Daerah Bachok. Di akhir kajian ini pengkaji berharap ia dapat membantu pihak yang terlibat untuk mengenalpsati tahap penguasaan dan kefahaman pelajar terhadap mata pelajaran al-Syariah.

